



30 Ogos 2017  
30 August 2017  
P.U. (A) 253

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECUALIAN) (NO. 8) 2017

*INCOME TAX (EXEMPTION) (NO. 8) ORDER 2017*

DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECUALIAN) (NO. 8) 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 127(3)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 8) 2017.**

(2) Perintah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2015.

**Tafsiran**

2. Dalam Perintah ini—

“kelengkapan automasi” ertinya apa-apa loji atau jentera yang digunakan secara langsung dalam projek yang layak yang mengguna pakai teknologi yang lebih maju daripada teknologi semasa yang digunakan oleh syarikat yang layak;

“perbelanjaan modal yang layak” ertinya suatu perbelanjaan modal yang berhubungan dengan kelengkapan automasi yang digunakan di Malaysia semata-mata bagi tujuan menjalankan suatu projek yang layak;

“projek yang layak” ertinya projek yang diusahakan oleh suatu syarikat yang layak untuk memodenkan atau mengautomasikan aktiviti pengilangannya yang sedia ada bagi sesuatu produk;

“syarikat yang layak” ertinya syarikat yang disebut dalam perenggan 3(a).

**Pemakaian**

3. Perintah ini hendaklah terpakai bagi—

(a) syarikat yang layak yang memenuhi syarat yang berikut:

- (i) yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*] dan bermastautin di Malaysia;
- (ii) yang melibatkan diri dalam aktiviti pengilangan dengan mematuhi Akta Penyelarasaran Industri 1975 [*Akta 156*];
- (iii) yang memegang suatu lesen perniagaan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa tempatan yang berkenaan;
- (iv) yang telah menjalankan projek yang layak bagi tempoh sekurang-kurangnya tiga puluh enam bulan;
- (v) yang telah melakukan perbelanjaan modal yang layak—
  - (A) berhubung dengan syarikat yang layak yang menjalankan projek yang layak yang berhubungan dengan getah, plastik, kayu, perabot dan tekstil, dalam tempoh asas bagi tahun taksiran 2015 hingga tahun taksiran 2017; atau
  - (B) berhubung dengan syarikat yang layak yang menjalankan projek yang layak selain yang dinyatakan dalam subsubsubperenggan (A) sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri, dalam tempoh asas bagi tahun taksiran 2015 hingga tahun taksiran 2020; dan
- (vi) yang telah membuat permohonan untuk pengecualian cukai pendapatan melalui Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia

yang ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (Pemerbadanan) 1965 [*Akta 397*]—

- (A) berhubung dengan syarikat yang layak yang disebut dalam subsubsubperenggan (v)(A), pada atau selepas 1 Januari 2015 tetapi tidak lewat daripada 31 Disember 2017; atau
  - (B) berhubung dengan syarikat yang layak yang disebut dalam subsubsubperenggan (v)(B), pada atau selepas 1 Januari 2015 tetapi tidak lewat daripada 31 Disember 2020; dan
- (b) kelengkapan automasi yang telah diperakui oleh Ketua Pengarah Institut Standard dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia sebagai mengguna pakai teknologi yang lebih maju daripada teknologi semasa yang digunakan oleh syarikat yang layak.

### **Pengecualian**

4. (1) Menteri mengecualikan suatu syarikat yang layak dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran daripada pembayaran cukai pendapatan berkenaan dengan pendapatan berkanun yang diperoleh daripada suatu projek yang layak yang bersamaan dengan amaun elaun sebagaimana yang ditentukan dalam subperenggan (3).

(2) Pengecualian yang diberikan di bawah Perintah ini adalah tertakluk kepada syarikat yang layak mematuhi semua syarat yang dikenakan berhubung dengan pengecualian itu.

(3) Amaun elaun yang disebut dalam subperenggan (1) ialah seratus peratus amaun elaun yang layak bagi syarikat yang layak itu di bawah kaedah 5 dan 6 Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Elaun Modal Dipercepat) (Kelengkapan Automasi) 2017 [P.U. (A) 252/2017].

(4) Tiada apa-apa dalam subperenggan (1) boleh melepaskan atau disifatkan telah melepaskan syarikat yang layak itu daripada mematuhi apa-apa kehendak untuk mengemukakan apa-apa penyata atau penyata akaun atau memberikan apa-apa maklumat lain, di bawah Akta.

### **Pendapatan berkanun**

5. (1) Tertakluk kepada subperenggan (2), pendapatan berkanun yang disebut dalam subperenggan 4(1) dalam tempoh asas bagi setiap tahun taksiran hendaklah ditentukan selepas memotong elaun yang boleh diberikan di bawah Jadual 3 kepada Akta walaupun tiada tuntutan bagi elaun itu telah dibuat.

(2) Amaun pendapatan berkanun yang dikecualikan di bawah subperenggan 4(1) hendaklah tidak melebihi tujuh puluh peratus bagi setiap tahun taksiran.

(3) Jika, oleh sebab ketiadaan atau ketidakcukupan pendapatan berkanun, pengecualian tidak boleh diberikan atau tidak boleh diberikan sepenuhnya sebagaimana yang syarikat yang layak itu berhak di bawah subperenggan 4(1) bagi tahun taksiran itu, maka sekian banyak daripada pendapatan berkanun yang berkenaan dengannya pengecualian tidak boleh diberikan bagi tahun taksiran itu, hendaklah diberikan pengecualian bagi tahun taksiran pertama yang berikutnya bagi tempoh asas yang syarikat yang layak itu mempunyai pendapatan berkanun daripada projek yang layak dan bagi tahun atau tahun-tahun taksiran yang berikutnya sehingga pengecualian diberikan berkenaan dengan keseluruhan pendapatan berkanun sebagaimana yang syarikat yang layak itu berhak di bawah subperenggan 4(1).

### **Penarikan balik pengecualian**

6. (1) Jika perbelanjaan modal yang layak dilakukan oleh suatu syarikat yang layak ke atas kelengkapan automasi yang digunakan bagi maksud suatu projek yang layak dan kelengkapan automasi itu dilupuskan pada bila-bila masa dalam tempoh lima tahun dari tarikh perolehan kelengkapan automasi itu, pengecualian yang diberikan berkenaan dengan amaun pendapatan berkanun yang bersamaan dengan amaun elaun bagi

perbelanjaan modal yang layak itu hendaklah ditarik balik dalam tempoh asas bagi tahun taksiran yang kelengkapan automasi itu dilupuskan.

(2) Jika suatu syarikat yang layak gagal mematuhi mana-mana syarat yang dikenakan berhubung dengan pengecualian yang diberikan kepada syarikat yang layak itu di bawah subperenggan 4(1) pengecualian yang diberikan itu hendaklah ditarik balik.

(3) Jika pengecualian ditarik balik mengikut subperenggan (1) atau (2), pengecualian yang diberikan berkenaan dengan apa-apa amaun pendapatan berkanun di bawah subperenggan 4(1) hendaklah disifatkan tidak diberikan kepada syarikat yang layak itu.

(4) Amaun pendapatan berkanun yang berkenaan dengannya yang disifatkan tidak diberikan pengecualian di bawah subperenggan (3) hendaklah menjadi sebahagian daripada pendapatan berkanun syarikat yang layak itu dalam tempoh asas bagi tahun taksiran yang pengecualian itu telah ditarik balik.

**Penentuan perbelanjaan modal yang layak bagi kelengkapan automasi yang dilupuskan kepada syarikat berkaitan**

7. (1) Jika syarikat yang layak melupuskan kepada syarikat berkaitannya apa-apa kelengkapan automasi yang berkenaan dengannya pengecualian dimohon oleh syarikat yang layak itu di bawah Perintah ini, amaun perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan oleh syarikat berkaitan itu hendaklah disifatkan sebagai suatu jumlah yang bersamaan dengan sifar.

(2) Bagi maksud perenggan ini, "syarikat berkaitan" mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya dalam seksyen 2 Akta Penggalakan Pelaburan 1986 [Akta 327].

**Punca berasingan dan akaun berasingan**

8. (1) Jika syarikat yang layak menjalankan suatu projek yang layak dan projek selain projek yang layak, setiap projek hendaklah dikira sebagai suatu punca berasingan dan berlainan bagi projek itu.

(2) Syarikat yang layak yang diberikan pengecualian di bawah subperenggan 4(1) hendaklah menyenggara suatu akaun yang berasingan bagi pendapatan yang diperoleh daripada setiap projek yang disebut dalam subperenggan (1).

### **Ketidakpakaian**

9. Perintah ini tidak terpakai bagi suatu syarikat yang layak jika dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran—

- (a) syarikat yang layak itu telah diberikan apa-apa insentif di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986 [*Akta 327*];
- (b) syarikat yang layak itu telah membuat suatu tuntutan bagi elaun pelaburan semula di bawah Jadual 7A kepada Akta atau elaun pelaburan bagi sektor perkhidmatan di bawah Jadual 7B kepada Akta;
- (c) syarikat yang layak itu telah diberikan apa-apa pengecualian di bawah seksyen 127 Akta; atau
- (d) syarikat yang layak itu telah membuat suatu tuntutan bagi suatu potongan di bawah mana-mana kaedah-kaedah yang dibuat di bawah seksyen 154 Akta kecuali—
  - (i) kaedah-kaedah berhubung dengan elaun di bawah Jadual 3 kepada Akta;
  - (ii) Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Perbelanjaan Audit) 2006 [*P.U. (A) 129/2006*];
  - (iii) Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Perbelanjaan berhubung dengan Yuran Kesetiausahaan dan Yuran Pemfailan Cukai) 2014 [*P.U. (A) 336/2014*];

- (iv) Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Elaun Modal Dipercepat) (Kelengkapan Teknologi Maklumat dan Komunikasi) 2014 [P.U. (A) 217/2014]; atau
- (v) Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Elaun Modal Dipercepat) (Kelengkapan Automasi) 2017 [P.U. (A) 252/2017].

Dibuat 25 Ogos 2017

[Perb. 0.3865/474 Vol.2; LHDN.01/10.5/64-2; PN(PU2)80/LXXXVIII]

DATUK SERI JOHARI BIN ABDUL GHANI  
*Menteri Kewangan Kedua*

*[Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 127(4) Akta Cukai Pendapatan 1967]*

INCOME TAX ACT 1967

INCOME TAX (EXEMPTION) (NO. 8) ORDER 2017

IN exercise of the powers conferred by paragraph 127(3)(b) of the Income Tax Act 1967 [Act 53], the Minister makes the following order:

**Citation and commencement**

1. (1) This order may be cited as the **Income Tax (Exemption) (No. 8) Order 2017**.

(2) This Order is deemed to have come into operation from the year of assessment 2015.

**Interpretation**

2. In this Order—

“automation equipment” means any plant or machinery used directly in a qualifying project which adopts technology that is more advanced than the current technology used by the qualifying company;

“qualifying capital expenditure” means a capital expenditure relating to automation equipment used in Malaysia solely for the purpose of carrying on a qualifying project;

“qualifying project” means a project undertaken by a qualifying company for modernizing or automating its existing manufacturing activity of a product;

“qualifying company” means the company referred to in paragraph 3(a).

## **Application**

3. This Order shall apply to—

- (a) a qualifying company which fulfills the following conditions:
- (i) incorporated under the Companies Act 2016 [*Act 777*] and resident in Malaysia;
  - (ii) which engages in a manufacturing activity in compliance with the Industrial Co-ordination Act 1975 [*Act 156*];
  - (iii) which holds a business license issued by the relevant local authority;
  - (iv) which has carried on a qualifying project for a period of at least thirty-six months;
  - (v) which has incurred qualifying capital expenditure—
    - (A) in relation to a qualifying company which undertakes a qualifying project relating to rubber, plastic, wood, furniture and textile, in the basis period for the year of assessment 2015 until the year of assessment 2017; or
    - (B) in relation to a qualifying company which undertakes a qualifying project other than those specified in subsubsubparagraph (A) as determined by the Minister, in the basis period for the year of assessment 2015 until the year of assessment 2020; and
  - (vi) which has made an application for exemption of income tax through the Malaysian Investment Development Authority established

under the Malaysian Investment Development Authority (Incorporation) Act 1965 [Act 397]—

- (A) in relation to the qualifying company referred to in subsubsubparagraph (v)(A), on or after 1 January 2015 but not later than 31 December 2017; or
  - (B) in relation to the qualifying company referred to in subsubsubparagraph (v)(B), on or after 1 January 2015 but not later than 31 December 2020; and
- (b) automation equipment certified by the Director General of the Standards and Industrial Research Institute of Malaysia as adopting a technology that is more advanced than the current technology used by the qualifying company.

### **Exemption**

4. (1) The Minister exempts a qualifying company in the basis period for a year of assessment from the payment of income tax in respect of statutory income derived from a qualifying project which is equivalent to the amount of allowance as determined in subparagraph (3).

(2) The exemption granted under this Order shall be subject to the qualifying company complying with all the conditions imposed in relation to the exemption.

(3) The amount of allowance referred to in subparagraph (1) shall be one hundred per cent of the amount of allowance for which the qualifying company is entitled under rules 5 and 6 of the Income Tax (Accelerated Capital Allowance) (Automation Equipment) Rules 2017 [P.U. (A) 252/2017].

(4) Nothing in subparagraph (1) shall absolve or be deemed to have absolved the qualifying company from complying with any requirement to submit any return or statement of accounts or to furnish any other information, under the Act.

### **Statutory income**

5. (1) Subject to subparagraph (2), the statutory income referred to in subparagraph 4(1) in the basis period for each year of assessment shall be determined after deducting the allowances which fall to be made under Schedule 3 to the Act notwithstanding that no claim for such allowances has been made.

(2) The amount of statutory income so exempted under subparagraph 4(1) shall not exceed seventy per cent for each year of assessment.

(3) Where, by reason of the absence or insufficiency of the statutory income, exemption cannot be granted or cannot be granted in full as the qualifying company is entitled under subparagraph 4(1) for that year of assessment, then so much of the statutory income in respect of which exemption cannot be granted for that year of assessment, shall be granted exemption for the first subsequent year of assessment for the basis period for which the qualifying company has statutory income from the qualifying project and for the subsequent year or years of assessment until the exemption is granted in respect of the whole statutory income as the qualifying company is entitled under subparagraph 4(1).

### **Withdrawal of exemption**

6. (1) Where qualifying capital expenditure is incurred by a qualifying company on an automation equipment used for the purpose of a qualifying project and such automation equipment is disposed of at any time within five years from the date of acquisition of the automation equipment, the exemption granted in respect of the amount of statutory income which is equal to the amount of allowance for the qualifying capital expenditure shall be withdrawn in the basis period for the year of assessment in which the automation equipment is disposed.

(2) Where a qualifying company fails to comply with any condition imposed in relation to the exemption granted to the qualifying company under subparagraph 4(1) the exemption granted shall be withdrawn.

(3) Where the exemption is withdrawn in accordance with subparagraph (1) or (2), the exemption granted in respect of any amount of the statutory income under subparagraph 4(1) shall be deemed to have not been granted to the qualifying company.

(4) The amount of statutory income in respect of which is deemed to have not been granted exemption under subparagraph (3) shall be part of the qualifying company's statutory income in the basis period for the year of assessment in which the exemption is withdrawn.

**Determination of qualifying capital expenditure for automation equipment disposed to related company**

7. (1) Where a qualifying company disposes to its related company any automation equipment in respect of which an exemption is applied by the qualifying company under this Order, the amount of the qualifying capital expenditure incurred by the related company shall be deemed to be a sum equal to zero.

(2) For the purposes of this paragraph, "related company" has the same meaning assigned to it in section 2 of the Promotion of Investments Act 1986 [*Act 327*].

**Separate source and separate account**

8. (1) Where a qualifying company carries on a qualifying project and project other than a qualifying project, each project shall be treated as a separate and distinct source of the project.

(2) The qualifying company which is granted an exemption under subparagraph 4(1) shall maintain a separate account for the income derived from each project referred to in subparagraph (1).

### **Non-application**

9. This Order shall not apply to a qualifying company if in the basis period for a year of assessment—

- (a) the qualifying company has been granted any incentive under the Promotion of Investments Act 1986 [*Act 327*];
- (b) the qualifying company has made a claim for reinvestment allowance under Schedule 7A to the Act or investment allowance for service sector under Schedule 7B to the Act;
- (c) the qualifying company has been granted any exemption under section 127 of the Act; or
- (d) the qualifying company has made a claim for deduction under any rules made under section 154 of the Act except—
  - (i) the rules in relation to allowance under Schedule 3 to the Act;
  - (ii) the Income Tax (Deduction for Audit Expenditure) Rules 2006 [*P.U. (A) 129/2006*];
  - (iii) the Income Tax (Deduction for Expenses in relation to Secretarial Fee and Tax Filing Fee) Rules 2014 [*P.U. (A) 336/2014*];
  - (iv) the Income Tax (Accelerated Capital Allowance) (Information and Communication Technology Equipment) Rules 2014 [*P.U. (A) 217/2014*]; or
  - (v) the Income Tax (Accelerated Capital Allowance) (Automation Equipment) 2017 [*P.U. (A) 252/2017*]

Made 25 August 2017

[Perb. 0.3865/474 Vol.2; LHDN.01/10.5/64-2; PN(PU2)80/LXXXVIII]

DATUK SERI JOHARI BIN ABDUL GHANI  
*Second Minister of Finance*

[*To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 127(4) of the Income Tax Act 1967*]